

SURAH LEBAH



Surah: 16 Juzuk: 14 Bil. Ayat: 128

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Telah hampir datangnya ketetapan Allah, maka janganlah kamu minta disegerakan. Maha Suci Allah dan Maha Tinggilah Dia dari perbuatan syirik yang mereka lakukan.
2. Dia menurunkan malaikat membawa wahyu dengan perintahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya (yang layak menjadi rasul); (lalu Dia berfirman kepada para rasul): «Hendaklah kamu menegaskan kepada umat manusia bahawa tiada Tuhan melainkan Aku. Oleh itu, bertakwalah kamu kepadaKu».
3. Dia menciptakan langit dan bumi dengan kebenaran; Maha Tinggilah Dia dari perbuatan syirik yang mereka lakukan.
4. Dia menciptakan manusia dari air mani, (setelah sempurna kejadiannya), tiba-tiba dia menjadi seorang pembantah yang jelas bantahannya.
5. Dan Dia juga menciptakannya untuk kamu binatang-binatang ternakan, daripada kulitnya dapat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَتَىٰ أَمْرُ اللَّهِ فَلَا تَسْتَعْجِلُوهُ سُبْحَانَهُ
وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١﴾

يُنزِلُ الْمَلَائِكَةَ بِالرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِ عَلَىٰ
مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَنْ أَنْذِرُوا أَنَّهُ وَلَا إِلَهَ
إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونِ ﴿٢﴾

خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ
تَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣﴾

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ
مُبِينٌ ﴿٤﴾

وَالْأَنْعَمَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ
وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٥﴾

kamu memanaskan tubuh dari kesejukan dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan.

6. Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternakan itu, suatu perhiasan ketika kamu membawanya balik untuk berehat (pada waktu petang), dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi).
7. Dan binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya melainkan dengan menanggung susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu Maha Belas kasihan dan Maha Penyayang.
8. Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan; dan Dia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya.
9. Dan kepada Allah jualah urusan menerangkan jalan yang lurus; dan di antara jalan-jalan yang dituju ada yang terpesong dari kebenaran; dan jika Dia kehendaki, tentulah Dia memberi hidayah kepada kamu semua.
10. Dia lah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi

وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرْجَوْنَ
وَحِينَ تَسْرَجُونَ ﴿٦﴾

وَتَحْمِلُ أَثْقَالَكُمْ إِلَىٰ بَلَدٍ لَّا تَكُونُوا
بَلِغِيهِ إِلَّا بِشِقِّ الْأَنْفُسِ إِنَّ رَبَّكُمْ
لَرؤُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

وَالْخَيْلَ وَالْبِغَالَ وَالْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوهَا
وَزِينَةً وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

وَعَلَى اللَّهِ قَصْدُ السَّبِيلِ وَمِنْهَا جَائِرٌ وَلَوْ
شَاءَ لَهَدَىٰكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩﴾

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَكُمْ
مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجْرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ ﴿١٠﴾

menumbuhkan pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternakan (makan) padanya.

11. Dia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandung satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir.
12. Dan Dia memudahkan bagi kamu malam dan siang, matahari serta bulan; dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintahNya (untuk keperluan-keperluan kamu). Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir.
13. Dan apa jua yang dijadikan untuk kamu di bumi yang berlainan jenisnya (dimudahkan juga untuk kegunaan kamu). Sesungguhnya yang demikian itu mengandung satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi kaum yang mahu mengingati nikmat Allah itu.
14. Dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang segar, dan dapat pula kamu

يُنْبِتُ لَكُمْ بِهِ الزَّرْعَ وَالزَّيْتُونَ وَالنَّخِيلَ
وَالْأَعْنَابَ وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ إِنَّ فِي
ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١١﴾

وَسَخَّرَ لَكُمْ الَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ
وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِ رَبِّ
فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٢﴾

وَمَا ذَرَأَ لَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُخْتَلِفًا
أَلْوَانُهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ
يَذَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ
لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حِلْيَةً
تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفُلْكَ مَوَازِيرَ فِيهِ

mengeluarkan daripadanya barang-barang perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur.

15. Dan Dia menciptakan di bumi gunung-ganang yang tegap berdiri supaya kamu tidak terhuyung-hayang; dan Dia menciptakan sungai-sungai serta jalan-jalan, supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju.
16. Dan (Dia mengadakan) tanda-tanda panduan jalan, dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju.
17. Jika demikian, adakah Allah yang menciptakan kesemuanya itu sama seperti makhluk-makhluk yang tidak menciptakan sesuatu? Maka patutkah kamu lalai sehingga kamu tidak mahu mengambil pengajaran serta memikirkannya?
18. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkannya kepada kamu), tidaklah kamu akan dapat menghitungnya; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٤﴾

وَأَلْقَى فِي الْأَرْضِ رَوْسًا أَنْ يَمِيدَ بِكُمْ
وَأَنْهَرَهَا وَسَبْلًا ۗ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥﴾

وَعَلَّمَكَ وَاللَّجِيمَ ۗ هُمْ يَهْتَدُونَ ﴿١٦﴾

أَفَمَنْ يَخْلُقُ كَمَنْ لَا يَخْلُقُ ۗ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٧﴾

وَأَنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصَوْنَ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨﴾

19. Dan Allah mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu zahirkan.
20. Dan makhluk-makhluk yang mereka sembah selain dari Allah itu tidak dapat menciptakan sesuatupun, bahkan merekalah yang diciptakan.
21. Makhluk-makhluk itu mati (tiada roh), tidak hidup; dan mereka tidak mengetahui bilakah masing-masing akan dibangkitkan.
22. Tuhan kamu (yang berhak disembah) ialah Tuhan yang satu (Maha Esa); oleh itu, orang yang tidak beriman kepada hari akhirat: hati mereka ingkar dalam keadaan mereka sombong.
23. Tidak syak lagi, bahawa Allah mengetahui akan apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka zahirkan; sesungguhnya Dia tidak suka kepada orang yang sombong.
24. Dan apabila dikatakan kepada mereka: «Apakah yang diturunkan oleh Tuhan kamu (kepada nabi Muhammad)?» Mereka menjawab: «Cerita-cerita dongeng orang dahulu kala».
25. (Mereka dibiarkan menuduh dengan yang demikian) supaya mereka memikul dosa-dosa mereka semuanya pada hari kiamat, dan juga memikul sebahagian daripada dosa orang

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَسْتُرُونَ وَمَا تَعْلَمُونَ ﴿١٤﴾

وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ لَا يَخْلُقُونَ
شَيْئًا وَهُمْ يُخَلَقُونَ ﴿٢٠﴾

أَمْ أَمَاتٌ غَيْرَ أَحْيَاءٍ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ
يُبْعَثُونَ ﴿٢١﴾

إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ قَالِ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
يَا آخِرَةَ فَلَوْ هُمْ مُنْكَرَةٌ وَهُمْ
مُسْتَكْبِرُونَ ﴿٢٢﴾

لَا جَرَمَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا
يُعْلِنُونَ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْتَكْبِرِينَ ﴿٢٣﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ مَاذَا أُنزِلَ رَبُّكُمْ قَالُوا
أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٢٤﴾

لِيَحْمِلُوا أَوْزَارَهُمْ كَمَا حَمَلَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
وَمِن أَوْزَارِ الَّذِينَ يُضِلُّوهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَالْأَسَاءَةِ
مَا يَزِرُونَ ﴿٢٥﴾

yang mereka sesatkan dengan tidak berdasarkan pengetahuan yang benar; sesungguhnya amatlah buruknya dosa-dosa yang mereka lakukan itu.

26. Sebenarnya orang yang terdahulu dari mereka telah menjalankan rancangan jahat (terhadap agama Allah dan para rasulNya); maka Allah membinasakan bangunan (rancangan jahat) mereka dari asas-asasnya, lalu bumbung (bangunan itu) jatuh menimpa ke atas mereka, dan mereka pula didatangi azab kebinasaan dari arah yang mereka tidak menyedarinya.
27. Kemudian pada hari kiamat, Allah menghina mereka (dengan azab seksa) sambil bertanya: «Mana dia sekutu-sekutuKu yang kerana membelanya, kamu memusuhi (para nabi dan orang yang beriman)?» (Pada ketika itu) berkatalah orang yang beroleh ilmu pengetahuan: «Sesungguhnya kehinaan hari ini dan azab seksa, adalah tertimpa kepada orang yang kafir;
28. (Iaitu) mereka yang diambil nyawanya oleh malaikat dalam keadaan mereka menganiayai diri sendiri (dengan kekufurannya).» Lalu mereka tunduk menyerah (ketika melihat azab sambil berkata): «Kami tiada melakukan sesuatu kejahatan». (Malaikat

قَدَمَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَأَنَّ اللَّهَ بَدَّلَ فِيهِمْ
مِنَ الْقَوَاعِدِ فَحَرَّ عَلَيْهِمُ السَّقْفُ
مِنْ فَوْقِهِمْ وَأَتَاهُمُ الْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ
لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٦﴾

ثُمَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يُخْزِيهِمْ وَيَقُولُ أَيْنَ
شُرَكَائِيَ الَّذِينَ كُنْتُمْ تُشَاقُّونَ فِيهِمْ
قَالَ الَّذِينَ أُؤْتُوا الْعِلْمَ إِنَّ الْخِزْيَ الْيَوْمَ
وَالسُّوءَ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٢٧﴾

الَّذِينَ تَتَوَفَّوهُمْ الْمَلَائِكَةُ ظَالِمِي أَنْفُسِهِمْ
فَالْقَوَاعِدَ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ مِنْ سُوءِ بَلَى
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٨﴾

menjawab): «Bahkan (kamu ada melakukannya); sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu telah lakukan».

29. «Oleh itu, masukilah pintu-pintu neraka, kekallah kamu di dalamnya; maka sesungguhnya (neraka itu) seburuk-buruk tempat bagi orang yang sombong».
30. Dan ditanya pula kepada orang yang bertakwa: «Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu?» Mereka menjawab: «Kebaikan». Orang yang melakukan kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi; dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang yang bertakwa.
31. (Untuk mereka) syurga-syurga «Adn», yang mereka akan memasukinya, yang mengalir padanya sungai-sungai; mereka beroleh di dalam syurga itu apa yang mereka kehendaki; demikianlah Allah membalas orang yang bertakwa.
32. Mereka yang diambil nyawanya oleh malaikat dalam keadaan mereka bersih suci (dari kufur syirik dan maksiat), sambil malaikat itu berkata kepada mereka: «Selamat sejahtera kepada kamu; masuklah ke dalam syurga disebabkan amal baik yang telah kamu lakukan».

فَادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا
فَلَيْسَ مَثْوًى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٢٩﴾

﴿وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا
خَيْرًا لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا
حَسَنَةٌ وَلَدَارِ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعْمَ دَارُ
الْمُتَّقِينَ ﴿٣٠﴾﴾

جَنَّاتٍ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا يُجْرِي مِنْ
تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ لَهُمْ فِيهَا مَا يَشَاءُونَ
كَذَلِكَ يَجْزِي اللَّهُ الْمُتَّقِينَ ﴿٣١﴾

الَّذِينَ تَتَوَفَّاهُمُ الْمَلَائِكَةُ طَيِّبِينَ يَقُولُونَ
سَلَامٌ عَلَيْكُمْ ادْخُلُوا الْجَنَّةَ بِمَا كُنْتُمْ
تَعْمَلُونَ ﴿٣٢﴾

33. (Apakah yang ditunggu-tunggu oleh mereka yang tidak beriman itu?) Mereka tidak menunggu melainkan kedatangan malaikat (yang akan mencabut nyawa mereka), atau kedatangan azab Tuhanmu (yang akan membinasakan mereka). Demikianlah juga yang dilakukan oleh orang kafir yang terdahulu daripada mereka (lalu dibinasakan); dan (sebenarnya) Allah tidak menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri sendiri.
34. Oleh itu, mereka ditimpa azab sebagai balasan perbuatan jahat yang mereka lakukan; dan azab Allah itu meliputi mereka sebagai balasan bagi apa yang mereka telah persendakan dahulu.
35. Dan berkatalah orang kafir musyrik: «Kalaulah Allah menghendaki, tentulah kami tidak menyembah selain daripadaNya sesuatupun, (tidak) kami dan tidak juga nenek moyang kami; dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu pun tanpa perintahNya». Demikianlah juga yang telah dilakukan oleh orang yang terdahulu dari mereka. (Apa yang mereka katakan itu adalah salah semata-mata) kerana bukankah para rasul semuanya tidak bertanggungjawab selain daripada menyampaikan (kehendak dan hukum Allah) dengan cara yang jelas?

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ تَأْتِيَهُمُ الْمَلَائِكَةُ
أَوْ يَأْتِيَ أَمْرُ رَبِّكَ كَذَلِكَ فَعَلَ الَّذِينَ مِنْ
قَبْلِهِمْ وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنْ كَانُوا
أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٣٣﴾

فَأَصَابَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا عَمِلُوا وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا
بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٣٤﴾

وَقَالَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا عَبَدْنَا
مِنْ دُونِهِ مِنْ شَيْءٍ نَحْنُ وَلَا آبَاؤُنَا وَلَا
حَرَمْنَا مِنْ دُونِهِ مِنْ شَيْءٍ كَذَلِكَ فَعَلَ
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَهَلْ عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا
الْبَلْغُ الْمُبِينُ ﴿٣٥﴾

36. Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan di kalangan setiap umat seorang rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): «Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut (berhala)». Maka di antara mereka (yang menerima seruan rasul itu), ada yang diberi hidayah oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan para rasulnya.
37. Jika engkau (wahai Muhammad) terlalu inginkan mereka mendapat hidayah, maka sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah kepada orang yang berhak disesatkanNya; dan tidak ada bagi mereka sesiapaupun yang dapat memberikan pertolongan.
38. Dan mereka bersumpah dengan nama Allah dengan bersungguhsungguh (sambil berkata): «Allah tidak akan membangkitkan semula orang yang telah mati». (Itu tidak benar), bahkan janji Allah membangkitkan orang yang telah mati tetap benar; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.
39. (Allah menghidupkan semula orang yang mati) untuk menerangkan kepada mereka

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ
 اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ
 فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ
 عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسَبِّحُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا
 كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿٣٦﴾

إِنْ تَحْرَصُ عَلَىٰ هُدَاهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي
 مَنْ يَضِلُّ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٣٧﴾

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَا يَبْعَثُ اللَّهُ
 مَنْ يَمُوتُ بَلَىٰ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا وَلَكِنَّ
 أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾

إِنِّي بَيْنَ أَيْدِيهِمْ لَآتِيهِمْ
 الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّهُمْ كَانُوا كَذِبِينَ ﴿٣٩﴾

apa yang mereka berselisihan padanya, dan supaya orang kafir mengetahui bahawa mereka adalah orang yang berdusta.

40. Sesungguhnya perkataan Kami kepada sesuatu apabila Kami kehendaki, hanyalah Kami berkata kepadanya: «Jadilah engkau!», maka jadilah ia.
41. Dan orang yang berhijrah kerana Allah, sesudah mereka dizalimi (ditindas oleh musuh-musuh Islam), Kami akan menempatkan mereka di dunia ini pada tempatnya yang baik; dan sesungguhnya pahala (amal mereka yang baik itu) lebih besar di akhirat kelak, sekiranya mereka mengetahui.
42. (Mereka itu ialah) orang yang bersabar (menanggung kezaliman) dan berserah diri kepada Tuhannya.
43. Dan tidaklah Kami mengutus para rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan di kalangan orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.
44. (Kami utuskan para rasul itu) membawa bukti-bukti yang nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan

إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَيْءٍ إِذَا أَرَدْنَاهُ أَنْ نَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٤٠﴾

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا طُغُوا لَنَسُوْنَهُمْ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَلَآجِرَ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

الَّذِينَ صَبَرُوا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٤٢﴾

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٤﴾

kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.

45. (Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah orang yang merancang dan melakukan kejahatan-kejahatan itu merasa aman daripada Allah yang akan menimbuskan mereka ke dalam bumi, atau mereka didatangi azab dari arah yang mereka tidak menyedarinya?
46. Atau Dia membinasakan mereka secara mengejut pada masa mereka berulang alik melakukan kerja masing-masing? Kerana sebenarnya mereka tidak akan dapat melemahkan kuasa Allah.
47. Atau Dia membinasakan mereka (dan harta benda mereka) sedikit demi sedikit? Kerana sesungguhnya Tuhan kamu amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya.
48. Tidakkah mereka memerhatikan segala yang telah diciptakan oleh Allah, yang beredar (berpindah-randah) bayang-bayangnya ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang), dengan keadaan tunduk menurut peraturan dan kehendak Allah, sedang mereka merendah diri?

أَفَأَمِنَ الَّذِينَ مَكَرُوا السَّيِّئَاتِ أَنْ يَخْسِفَ
اللَّهُ بِهِمُ الْأَرْضَ أَوْ يَأْتِيَهُمُ الْعَذَابُ مِنْ
حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٤٥﴾

أَوْ يَأْخُذُهُمْ فِي تَقْلُبِهِمْ فَمَاهُمْ بِمُعْجِزِينَ ﴿٤٦﴾

أَوْ يَأْخُذُهُمْ عَلَى تَخَوُّفٍ فَإِنَّ رَبَّهُمْ لَرءُوفٌ
رَحِيمٌ ﴿٤٧﴾

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى مَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ عَيْنًا يَتَفَيَّؤُا
ظِلَالُهُ رِيعَ الْيَمِينِ وَالشَّمَالِ لِسُجْدِ اللَّهِ وَهُمْ
دَاخِرُونَ ﴿٤٨﴾

49. Dan bagi Allah jualah tunduk sujud apa yang ada di langit dan di bumi, dari makhluk-makhluk yang bergerak serta malaikat; sedang mereka (malaikat-malaikat itu) tidak sombong (daripada beribadat dan sujud kepadaNya).
50. Mereka takut kepada Tuhan mereka yang di atas mereka, serta mereka mengerjakan apa yang diperintahkan.
51. Dan Allah berfirman: «Janganlah kamu bertuhankan dua tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan itu hanyalah Tuhan yang satu; maka kepada Aku sahajalah kamu patut berasa gerun.
52. Dan bagiNyalah (hak milik) segala yang ada di langit dan di bumi; dan kepadaNya sahaja ibadat dan ketaatan selama-lamanya; (sesudah kamu mengetahui yang demikian) maka tidaklah patut kamu takut kepada yang selain dari Allah.
53. Dan apa-apa nikmat yang ada pada kamu maka ia adalah dari Allah; kemudian, apabila kamu ditimpa kesusahan maka kepadaNyalah kamu meraung meminta pertolongan.
54. Kemudian, apabila Dia menghapuskan kesusahan itu daripada kamu, tiba-tiba sekumpulan di antara kamu mempersekutukan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan mereka.

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
مِن دَابَّةٍ وَالْمَلَائِكَةِ وَهُمْ لَا يُشْتَكِرُونَ ﴿٥٩﴾

يَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِمَّنْ فَوْقَهُمْ وَيُقِيعُونَ مَا
يُؤْمَرُونَ ﴿٦٠﴾

﴿٦١﴾ وَقَالَ اللَّهُ لَا تَتَّخِذُوا إِلَهَيْنِ اثْنَيْنِ إِنَّمَا
هُوَ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَإِنِّي فَارَهُبُونَ ﴿٦١﴾

وَلَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَهُ الدِّينُ وَاصِبًا
أَغْيَرَهُ اللَّهُ نَتَقُونَ ﴿٦٢﴾

وَمَا يَكُرُّ مِنْ نِعْمَةٍ فِئِنَّ اللَّهَ إِذَا مَسَّكُمْ الضَّرُّ
فِي آيَاتِهِ تَجْعَلُونَ ﴿٦٣﴾

ثُمَّ إِذَا كَشَفَ الضَّرَّ عَنْكُمْ إِذَا فَرِيقٌ مِنْكُمْ
بِرَبِّهِمْ يُشْرِكُونَ ﴿٦٤﴾

55. (Mereka melakukan yang demikian) kerana mereka kufur, tidak bersyukur akan nikmat-nikmat yang Kami berikan kepada mereka. Oleh itu, bersenang-senanglah kamu (dengan nikmat-nikmat itu buat sementara di dunia), kemudian kamu akan mengetahui (balasan buruk yang akan menimpa kamu).
56. Dan mereka (yang musyrik itu) menentukan untuk keperluan berhala-berhala yang mereka tidak ketahui keadaannya, sebahagian daripada harta benda yang Kami kurniakan kepada mereka. Demi Allah! Sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang kamu dustakan itu.
57. Dan mereka mengatakan Allah mempunyai anak-anak perempuan. Maha Suci Dia. Sedang bagi mereka pula apa yang mereka sukai (anak-anak lelaki).
58. Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang daripada mereka bahawa dia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung kesedihan), dalam keadaan dia menahan perasaan marahnya dalam hati.
59. Dia bersembunyi daripada orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang

لِيَكْفُرُوا بِمَا آتَيْنَاهُمْ فَتَمْتَعُوا أَفَسَوْفَ
تَعْمَلُونَ ﴿٥٥﴾

وَيَجْعَلُونَ لِمَا لَا يَعْمَلُونَ نَصِيبًا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ
وَأَلَّهِ لَئِنَّكُمْ تَفْقَرُونَ ﴿٥٦﴾

وَيَجْعَلُونَ لِلَّهِ الْبَنَاتِ سُبْحَانَهُ، وَلَهُمْ مَا
يَشْتَهُونَ ﴿٥٧﴾

وَإِذَا بَشِّرَ أَحَدَهُمْ بِالْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًّا
وَهُوَ كَاطِمٌ ﴿٥٨﴾

يَتَوَرَّى مِنَ الْقَوْمِ مِنْ سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ
أُبْسِكُهُ، عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدُسُّهُ فِي التُّرَابِ أَلَّا
سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٥٩﴾

dia beroleh anak perempuan; sambil dia berfikir): adakah dia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina, atau dia akan menanamnya hidup-hidup di dalam tanah? Ketahuilah, sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu!

60. Bagi mereka yang tidak beriman kepada hari akhirat, sifat yang buruk, dan bagi Allah jualah sifat yang tertinggi; dan Dia Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.
61. Dan sekiranya Allah menyiksa manusia disebabkan kezaliman mereka, tentulah Dia tidak membiarkan tinggal di muka bumi sesuatu makhluk yang bergerak; akan tetapi Dia memberi tempoh kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu; kemudian apabila sampai tempoh mereka, tidak dapat mereka meminta dikemudiankan sesaatpun dan tidak pula mereka akan dapat meminta didahulukan.
62. Dan mereka mengadakan bagi Allah apa yang mereka sendiri tidak menyukainya; dalam pada itu, lidah mereka memperkatakan perkara yang dusta, (kononnya) bahawa mereka akan beroleh kesudahan yang baik di sisi Allah. Tidak syak lagi, bahawa bagi merekalah api neraka, dan bahawa merekalah orang yang disegerakan (masuknya ke dalam neraka).

لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ مَثَلُ السَّوَاءِ وَلِلَّهِ
الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٠﴾

وَلَوْ يَوَازِئُهُ اللَّهُ النَّاسُ يَضِلُّوهُمْ مَا تَرَكَ
عَلَيْهَا مِنْ دَابَّةٍ وَلَكِنْ يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰ أَجَلٍ
مُّسَمًّى فَإِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَجِرُّونَ
سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِرُونَ ﴿٦١﴾

وَيَجْعَلُونَ لِلَّهِ مَا يَكْرَهُونَ وَنَصِفُ أَلْسِنَتَهُمُ
الْكَذِبَ أَنَّ لَهُمُ الْحُسْنَىٰ لِأَجْرِهِمْ أَنَّهُمْ
النَّارُ وَأَنَّهُمْ مُّفْرَطُونَ ﴿٦٢﴾

63. Demi Allah! Sesungguhnya Kami juga telah mengutus para rasul kepada umat-umat yang terdahulu daripadamu (wahai Muhammad), lalu syaitan menghiasi pada pandangan mereka yang ingkar akan amalan mereka yang jahat itu; maka dialah menjadi pemimpin mereka pada hari ini; dan mereka akan beroleh azab seksa yang sangat pedih.
64. Dan tidaklah Kami menurunkan Al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) melainkan supaya engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisihan padanya; dan supaya menjadi hidayah dan rahmat bagi orang yang beriman.
65. Dan Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Dia menghidupkan dengan air hujan itu akan bumi sesudah matinya; sesungguhnya yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mendengar (peringatan ini dan memahaminya).
66. Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternakan itu, benar-benar terdapat pengajaran bagi kamu. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang keluar dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi

تَاللَّهِ لَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَىٰ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فزَيَّنَ لَهُمُ الشَّيْطَانُ أَعْمَالَهُمْ فَهُمْ وَآلِهِمُ الْيَوْمَ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ إِلَّا لِلتَّيِّنِ لَهُمُ الَّذِي اخْتَلَفُوا فِيهِ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٦٤﴾

وَاللَّهُ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٦٥﴾

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً لِّتُنذِرُوا مِمَّا فِي بُطُونِهِ مِن بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لِّبَنَاتِهَا لِلصَّاعِبِ اللَّسْدِ بَيْنَ ﴿٦٦﴾

sedap rasanya bagi orang yang meminumnya.

67. Dan daripada buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman yang memabukkan dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang yang mahu menggunakan akalnyaa.
68. Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: «Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia.
69. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta ikutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu». (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam perutnya minuman (madu) yang pelbagai warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari pelbagai penyakit). Sesungguhnya yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang yang mahu berfikir.
70. Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Dia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ
سُكْرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ
بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ﴿٦٨﴾

ثُمَّ كُلِي مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ
ذُلًّا يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ
فِيهِ شِفَاءٌ لِّلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦٩﴾

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّاكُمْ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰ
أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمِهِ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ
عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٧٠﴾

di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga dia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

71. Dan Allah telah melebihkan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakanNya; dalam pada itu, orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu memberikan sebahagian dari kelebihan hartanya kepada hamba-hamba mereka, supaya orang itu dapat sama mempunyai harta. Maka mengapa mereka tergamak mengingkari nikmat Allah itu?
72. Dan Allah menjadikan bagi kamu daripada jenis kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu daripada pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda yang baik lagi halal; maka patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ فَمَا
الَّذِينَ فَضَّلُوا بَرَأْدِي رِزْقِهِمْ عَلَى مَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُهُمْ فَهُمْ فِيهِ سَوَاءٌ أَفَبِعَمَلِهِ اللَّهِ
يَتَّخِذُونَ

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ
لَكُمْ مِّنْ أَزْوَاجِكُمْ بَنِينَ وَحَفَدَةً
وَرَزَقَكُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ
وَبِالنِّعْمَةِ اللَّهُ هُمْ يَكْفُرُونَ

73. Dan mereka menyembah benda-benda yang selain dari Allah, yang tidak berkuasa memberikan mereka sebarang rezeki pemberian dari langit dan bumi, dan mereka pula tidak berdaya sama sekali mendapat kuasa itu.
74. Oleh itu, janganlah kamu mengadakan sesuatu yang sebanding dengan Allah, kerana sesungguhnya Allah mengetahui (setakat mana buruknya perbuatan syirik kamu) sedangkan kamu tidak mengetahuinya.
75. Allah memberikan satu perumpamaan: Seorang hamba abdi yang menjadi milik orang, yang tidak berkuasa melakukan dengan bebasnya sesuatupun; dan seorang lagi (yang merdeka) yang Kami kurniakan kepadanya pemberian yang baik (harta kekayaan) daripada Kami, maka dia pun membelanjakan hartanya sama ada secara tersembunyi atau terbuka, adakah kedua orang itu sama? Segala puji bagi Allah (dan Allah jualah yang berhak disembah), tetapi kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat tauhid itu).
76. Dan Allah memberikan satu perumpamaan lagi: Dua orang lelaki, salah seorangnya bisu dari semulajadinya, tidak dapat menyatakan apa yang difikirkannya dan tidak dapat mendengar apa yang dikatakan

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَهُمْ رِزْقًا
مِّنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ شَيْئًا وَلَا
يَسْتَطِيعُونَ ﴿٧٣﴾

فَلَا تَضْرِبُوا لِلَّهِ الْأَمْثَالَ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ
لَا تَعْلَمُونَ ﴿٧٤﴾

﴿٧٥﴾ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَمْلُوكًا لَا
يَقْدِرُ عَلَى شَيْءٍ وَمَن رَزَقْنَاهُ مِمَّا رَزَقْنَا حَسَنًا
فَهُوَ يَنْفِقُ مِنْهُ سِرًّا وَجَهْرًا هَلْ يَسْتَوُونَ
الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٧٦﴾

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِّذُلَيْنِ أَحَدُهُمَا
أَبْكُمُ لَا يَقْدِرُ عَلَى شَيْءٍ وَهُوَ كَلٌّ عَلَى
مَوْلَاهُ أَيْمَانًا بَوَّجْهَهُ لِآيَاتِ بَحْرٍ هَلْ
يَسْتَوِي هُوَ وَمَن يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَهُوَ عَلَى
صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٧٦﴾

kepadanya; dan dia pula menjadi beban kepada orang yang menjaganya; ke mana sahaja dia diarahkan pergi oleh penjaganya, tidak dapat dia membawa sesuatu yang berfaedah; adakah dia (yang demikian sifatnya) sama seperti orang (yang boleh berkata-kata serta dapat) menyuruh orang ramai melakukan keadilan, dan dia sendiri pula berada di atas jalan yang lurus (jalan yang benar)?

77. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui segala rahsia langit dan bumi; tiadalah hal kedatangan hari kiamat itu melainkan seperti sekelip mata, atau ia lebih cepat lagi; sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

78. Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran); supaya kamu bersyukur.

79. Tidakkah mereka memerhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang melayang-layang di angkasa? Tiada yang menahan mereka (dari jatuh) melainkan Allah; sesungguhnya pada yang demikian itu, terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang beriman.

وَلِلَّهِ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا
أَمْرُ السَّاعَةِ إِلَّا كَلَمْحِ الْبَصَرِ أَوْ هُوَ
أَقْرَبُ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٧٧﴾

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّن بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ
لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ
وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

أَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ مُسَخَّرَاتٍ فِي جَوِّ السَّمَاءِ
مَا يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ إِنْ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ
لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٧٩﴾

80. Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan Dia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternakan: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti (bermukim); dan (Dia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternakan itu, pelbagai barang perkakasan rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa.
81. Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian dari yang diciptakanNya: benda-benda untuk berteduh, dan Dia menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung-ganang tempat-tempat berlindung; dan Dia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, Dia menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepadaNya dan mematuhi perintahNya.
82. Kemudian, jika mereka masih berpaling maka sesungguhnya engkau (wahai Muhammad)

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ
 لَكُمْ مِنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ بُيُوتًا تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ
 ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَابِهَا
 وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثْنَاثًا
 وَمَتَاعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٨٠﴾

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِمَّا خَلَقَ ظِلَالًا وَجَعَلَ
 لَكُمْ مِنَ الْجِبَالِ أَكْنَانًا وَجَعَلَ
 لَكُمْ سَرَابِيلَ تَقِيكُمُ الْحَرَّ
 وَسَرَابِيلَ تَقِيكُمُ بِالْأَسْكِ كَذَلِكَ يَتِمُّ
 نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْلِمُونَ ﴿٨١﴾

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ﴿٨٢﴾

hanya bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah dengan cara yang jelas.

83. Mereka mengetahui nikmat Allah (yang melimpah-limpah itu), kemudian mereka tergamak mengingkarinya; dan kebanyakan mereka pula ialah orang yang kufur.
84. Dan (ingatkanlah kepada mereka yang musyrik tentang) hari Kami bangkitkan dari tiap-tiap umat, seorang saksi; kemudian tidak diizinkan bagi orang yang kafir (memberi sebarang alasan), dan mereka pula tidak diminta memohon keredaan Allah.
85. Dan apabila orang yang melakukan kezaliman (dengan kekufurannya) itu melihat azab, maka tidak akan diringankan azab itu daripada mereka, dan mereka pula tidak diberi tempoh.
86. Dan apabila orang musyrik melihat makhluk-makhluk dan benda-benda yang mereka jadikan sekutu-sekutu Allah, mereka berkata: «Wahai Tuhan kami, inilah dia yang kami jadikan sekutu-sekutu (bagiMu), yang kami sembah mereka dengan meninggalkanMu». Maka dengan serta-merta makhluk-makhluk yang dipuja itu menolak dakwaan mereka dengan berkata: «Sesungguhnya kamu benar-benar orang yang berdusta».

يَعْرِفُونَ نِعْمَتَ اللَّهِ ثُمَّ يُنْكِرُوهَا
وَأَكْثَرُهُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٨٣﴾

وَيَوْمَ نَبْعَثُ مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا
لَا يُؤَدُّنُ لِلَّذِينَ كَفَرُوا وَلَا هُمْ
يُستَعْتَبُونَ ﴿٨٤﴾

وَإِذَا رَأَى الَّذِينَ ظَلَمُوا الْعَذَابَ فَلَا يُخَفِّفُ
عَنْهُمْ وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٨٥﴾

وَإِذَا رَأَى الَّذِينَ أَشْرَكُوا شُرَكَاءَهُمْ قَالُوا
رَبَّنَا هَؤُلَاءِ شُرَكَائُنَا الَّذِينَ كُنَّا
نَدْعُوا مِنْ دُونِكَ فَأَلْقُوا إِلَيْهِمُ الْقَوْلَ
إِنَّكُمْ لَكَذِبُونَ ﴿٨٦﴾

87. Dan pada hari itu mereka semua menyerah diri bulat-bulat kepada Allah, dan lenyaplah daripada mereka (yang musyrik itu) apa yang telah mereka dustakan.
88. Orang yang kafir dan menghalangi (dirinya serta orang lain) dari jalan Allah, Kami tambahi mereka azab seksa di samping azab (yang menimpa mereka), disebabkan mereka melakukan kerosakan.
89. Dan (ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan di kalangan setiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri; dan Kami datangkanmu (wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu); dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan bagi orang Islam.
90. Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

وَأَلْقُوا إِلَى اللَّهِ يَوْمَئِذٍ السَّلَمَ وَضَلَّ
عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَفْرُقُونَ ﴿٨٧﴾

الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ
زَدْنَاهُمْ عَذَابًا فَوْقَ الْعَذَابِ بِمَا كَانُوا
يُفْسِدُونَ ﴿٨٨﴾

وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ
مِّنْ أَنفُسِهِمْ وَجَعَلْنَا يَوْمَئِذٍ شَهِيدًا عَلَى
هَؤُلَاءِ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا
لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى
لِّلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

﴿٩٠﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

91. Dan sempurnakanlah janji-janji Allah apabila kamu berjanji; dan janganlah kamu melanggar sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah), sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai Penjamin kebaikan kamu; sesungguhnya Allah sedia mengetahui apa yang kamu lakukan.

92. Dan janganlah kamu menjadi seperti perempuan yang telah merombak satu persatu benda yang dipintalnya, sesudah dia selesai memintalnya dengan teguh; dengan kamu menjadikan sumpah kamu sebagai tipu daya (untuk mencabuli perjanjian yang telah dimeteraikan) sesama kamu, disebabkan adanya satu golongan yang lebih ramai daripada golongan lain. Sesungguhnya Allah hanya mahu menguji kamu dengan yang demikian itu; dan Dia sudah tentu akan menerangkan kepada kamu, pada hari kiamat, apa yang kamu berselisihan padanya.

93. Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu); akan tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan memberi hidayah kepada

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تَنْقُضُوا
الْأَيْمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ
اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا
تَفْعَلُونَ ﴿٩١﴾

وَلَا تَكُونُوا كَالَّتِي نَقَضَتْ غَزْلَهَا مِنْ بَعْدِ
قُوِّهِ أَنْ كُنَّا نَتَّخِذُونَ أَيْمَانَكُمْ دَخَلًا
بَيْنَكُمْ أَنْ تَكُونَ أُمَّةٌ هِيَ أَرْبَىٰ مِنْ أُمَّةٍ
إِنَّمَا يَتَّبِعُ اللَّهُ بِهِمْ وَيُؤَيِّنُ كَمَنْ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ مَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٩٢﴾

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً
وَلَكِنْ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ
وَلَسْتَ تَلَوْنَ عَمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang kamu telah lakukan.

94. Dan janganlah kamu jadikan sumpah kamu sebagai tipu daya sesama kamu, kerana dengan yang demikian itu akan menyebabkan kaki kamu tergelincir sesudah ia teguh (di atas jalan yang benar); dan kamu pula akan merasai balasan buruk (di dunia) kerana kamu menghalang manusia dari jalan Allah; dan bagi kamu juga disediakan azab yang besar (di akhirat kelak).
95. Dan janganlah kamu jadikan pesanan-pesanan dan perintah Allah sebagai modal untuk mendapat keuntungan dunia yang sedikit; sesungguhnya apa yang ada di sisi Allah (dari balasan yang baik), itulah sahaja yang lebih baik bagi kamu, sekiranya kamu mengetahui.
96. (Sebenarnya) apa yang ada pada kamu akan habis dan lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal; dan sesungguhnya Kami membalas orang yang sabar dengan memberikan yang lebih baik daripada apa yang mereka telah lakukan.

وَلَا تَتَّخِذُوا أَيْمَانَكُمْ دَخَالًا بَيْنَكُمْ
فَتَرَىٰ أقدامَ بَعْدَ ثبوتِهَا وَتَذُوقُوا السُّوءَ
يَمَّا صَدَدْتُمْ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَلَكُمْ عَذَابٌ
عَظِيمٌ ﴿٩٤﴾

وَلَا تَشْتَرُوا بِعَهْدِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا إِنَّمَا عِنْدَ
اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩٥﴾

مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ
وَلَنَجْزِيَنَ الَّذِينَ صَبَرُوا أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ
مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

97. Sesiapa yang beramal soleh, daripada lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih daripada apa yang mereka telah lakukan.
98. Oleh itu, apabila engkau membaca Al-Quran, maka hendaklah engkau (terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah daripada hasutan syaitan yang direjam.
99. Sesungguhnya syaitan itu tidak mempunyai sebarang pengaruh terhadap orang yang beriman dan yang bertawakal kepada Tuhan mereka.
100. Sesungguhnya pengaruh syaitan itu hanyalah terhadap orang yang menjadikan dia pemimpin mereka, dan orang yang dengan sebab hasutannya melakukan syirik kepada Allah.
101. Dan apabila Kami tukarkan satu ayat (Al-Quran) untuk menggantikan ayat yang lain (yang dimansuhkan), dan Allah memang mengetahui apa yang Dia turunkan, berkatalah mereka (yang kafir): «Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanyalah seorang pendusta»;

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ
وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ
الشَّيْطٰنِ الرَّجِيْمِ ﴿٩٨﴾

إِنَّهٗ وَلَيْسَ لَهُ سُلْطٰنٌ عَلَى الَّذِينَ ءَامَنُوا
وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٩٩﴾

إِنَّمَا سُلْطٰنُهٗ وَعَلَى الَّذِينَ يَتَوَلَّوْنَهٗ وَالَّذِينَ
هُم بِهِ مُشْرِكُونَ ﴿١٠٠﴾

وَإِذَا بَدَّلْنَا آيَةً مَّكَانَ آيَةٍ وَاللَّهُ
أَعْلَمُ بِمَا يُنزِلُ قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مُفْتَرٍ
بَلْ كَذَّبْتُمْ بِهٖ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

(padahal Nabi Muhammad tidak berdusta) bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya.

- 102.** Katakanlah (wahai Muhammad): Al-Quran itu diturunkan oleh Ruhul Qudus⁽¹⁾ daripada Tuhanmu dengan cara yang sungguh layak dan berhikmah, untuk meneguhkan iman orang yang beriman, dan untuk menjadi hidayah serta berita yang menggembirakan bagi orang Islam.
- 103.** Dan sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa mereka yang musyrik itu berkata: «Sebenarnya dia diajar oleh seorang manusia». (Padahal) bahasa orang yang mereka sandarkan tuduhan kepadanya itu ialah bahasa asing, sedangkan Al-Quran ini berbahasa Arab yang nyata.
- 104.** Sesungguhnya orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, Allah tidak akan memberi hidayah kepada mereka, dan mereka pula beroleh azab yang sangat pedih.
- 105.** Sebenarnya yang tergamak berdusta itu hanyalah orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itu ialah orang yang berdusta.

قُلْ نَزَّلَهُ رُوحُ الْقُدُسِ مِنْ رَبِّكَ بِالْحَقِّ
لِيُثَبِّتَ الَّذِينَ آمَنُوا وَهُدًى وَبُشْرَى
لِلْمُسْلِمِينَ ﴿١٠٢﴾

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ
بَشَرٌ لِّسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ
أَتَعَجَّبُونَ مِنْ هَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ ﴿١٠٣﴾

إِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ لَا
يَهْدِيهِمُ اللَّهُ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾

إِنَّمَا يَقْتَرِي الْكَذِبَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
بِآيَاتِ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْكَاذِبُونَ ﴿١٠٥﴾

- 106.** Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah dia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka bagi mereka kemurkaan daripada Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar.
- 107.** (Kekufuran mereka) yang demikian, ialah kerana mereka lebih mengutamakan kehidupan dunia daripada hari akhirat, dan kerana Allah tidak memberi hidayah kepada kaum yang kufur.
- 108.** Mereka itulah orang yang telah dimeteraikan Allah hati mereka dan pendengaran mereka serta penglihatan mereka; dan merekalah orang yang lalai.
- 109.** Tidak syak lagi, bahawa mereka ialah orang yang rugi pada hari akhirat kelak.
- 110.** Kemudian, sesungguhnya Tuhanmu (memberikan pertolongan) kepada orang yang telah berhijrah sesudah mereka diuji (oleh kaum musyrik), kemudian mereka berjihad serta bersabar; sesungguhnya Tuhanmu sesudah mereka menderita dan bersabar dalam perjuangan adalah benar-benar Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ
وَلَا يَكُن مِّنْ سَرَّحٍ بِالْكَفْرِ صَدْرًا
فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ
عَظِيمٌ ﴿١٠٦﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ اسْتَحَبُّوا الْحَيَاةَ
الدُّنْيَا عَلَى الْآخِرَةِ وَأَنَّ اللَّهَ لَا
يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿١٠٧﴾

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ
وَسَمَعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ وَأُولَٰئِكَ
هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٠٨﴾

لَا جَرَمَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ هُمْ
الْخَاسِرُونَ ﴿١٠٩﴾

ثُمَّ إِنَّ رَبَّكَ لِلَّذِينَ هَاجَرُوا مِن بَعْدِ
مَا فُتِنُوا لَمْ يَجْهَدُوا وَاصْبِرُوا إِنَّ
رَبَّكَ مِنَ بَعْدِهَا لَعَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٠﴾

111. (Allah akan mengampunkan dosa-dosa mereka itu pada hari kiamat), hari setiap diri datang membela dirinya sahaja, dan setiap diri disempurnakan balasan apa yang dia telah lakukan (sama ada baik atau jahat), sedang mereka tidak akan dizalimi.
112. Dan (berkenaan kaum yang kufur) Allah memberikan satu perumpamaan: Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari setiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan.
113. Dan sesungguhnya, mereka telah didatangi seorang rasul daripada kalangan mereka sendiri, lalu mereka mendustakannya; maka mereka pun ditimpa azab sedang mereka berlaku zalim.
114. Oleh itu, makanlah (wahai orang yang beriman) daripada apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu daripada benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata.

﴿يَوْمَ تَأْتِي كُلَّ نَفْسٍ تُجَادِلُ عَنْ نَفْسِهَا وَتُوَفَّىٰ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ﴾^(١١١)

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَوْمًا كَانَتْ أَيْمَانُهُمْ مِثْلَ بَيْتٍ يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ﴾^(١١٢)

﴿وَلَقَدْ جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِنْهُمْ فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمُ الْعَذَابُ وَهُمْ ظَالِمُونَ﴾^(١١٣)

﴿فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمْ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاشْكُرُوا لِعِمَّتِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِبْرَاءَةَ تَعْبُدُونَ﴾^(١١٤)

115. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang disembelih bukan kerana Allah; maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah dia berdosa), sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْنَا مِمَّا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ
وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمِمَّا أَهْلُ الْغَيْرِ لَاحِثًا
فَمَنْ أَضْطُرَّ عَلَيْهِ بَاعًا وَلَا عَادِيًّا فَإِنَّ اللَّهَ
عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١١٥﴾

116. Dan janganlah kamu berdusta dengan apa yang disifatkan oleh lidah kamu: «Ini halal dan ini haram», untuk mengada-adakan sesuatu yang mendustakan Allah; sesungguhnya orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتَكُمُ
الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ
لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ
يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾

117. (Mereka hanya mendapat) sedikit kesenangan (di dunia), dan mereka pula akan beroleh azab seksaan yang sangat pedih.

مَتَاعٌ قَلِيلٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١١٧﴾

118. Dan kepada orang Yahudi, Kami mengharamkan apa yang telah Kami ceritakan kepadamu dahulu; dan tidaklah Kami menzalimi mereka (dengan pengharaman itu), tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri.

وَعَلَى الَّذِينَ هَادُوا حَرَمًا مَّا فَصَّصْنَا عَلَيْكَ مِنْ
قَبْلُ وَمَا ظَلَمْتَهُمْ وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ
يُظَلِمُونَ ﴿١١٨﴾

119. Kemudian, sesungguhnya Tuhanmu terhadap orang yang melakukan kejahatan dengan sebab kejahilan, kemudian mereka bertaubat sesudah itu

ثُمَّ إِنَّ رَبَّكَ لِلذَّيِّنِّ
عَمِلُوا السُّوءَ بِجَهْلَةٍ
ثُمَّ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ
وَأَصْلَحُوا إِنَّ رَبَّكَ مِنْ
بَعْدِهَا عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١١٩﴾

serta memperbaiki amalannya, sesungguhnya Tuhanmu sesudah (mereka bertaubat) itu, adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

120. Sesungguhnya Ibrahim adalah merupakan «satu umat⁽¹⁾», lagi berdiri teguh di atas dasar tauhid; dan dia tidak pernah menjadi orang yang musyrik.
121. Dia sentiasa bersyukur akan nikmat-nikmat Allah; Allah telah memilihnya (menjadi nabi) dan memberi hidayah kepadanya ke jalan yang lurus.
122. Dan Kami telah memberikan kepadanya kebaikan di dunia; dan sesungguhnya dia pada hari akhirat adalah daripada kalangan orang yang soleh.
123. Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut agama Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar; dan tiadalah dia daripada orang musyrik.
124. Sesungguhnya hari Sabtu⁽²⁾ itu dijadikan (hari kelepaan yang wajib dihormati) atas orang (Yahudi) yang telah berselisihan padanya; dan sesungguhnya Tuhanmu akan menghukum di

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِلَّهِ حَنِيفًا وَلَا يَكُ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٠﴾

شَاكِرًا لِلنَّعْمِ الَّتِي آتَيْنَاهُ وَإِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٢١﴾

وَأَتَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٢٢﴾

ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنْ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٣﴾

إِنَّمَا جُعِلَ السَّبْتُ عَلَى الَّذِينَ اخْتَلَفُوا فِيهِ وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٢٤﴾

1 Yang taat kepada Allah.

2 Menghormati hari Sabtu itu ialah dengan jalan memperbanyakkan ibadah dan amalan-amalan yang soleh serta meninggalkan pekerjaan seharian.

antara mereka pada hari kiamat, tentang apa yang mereka telah berselisihan padanya.

- 125.** Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah.
- 126.** Dan jika kamu membalas kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kamu membalas dengan balasan yang sama dengan kejahatan yang telah ditimpakan kepada kamu, dan jika kamu bersabar, (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang yang sabar.
- 127.** Dan bersabarlah (wahai Muhammad terhadap perbuatan dan telatah golongan yang ingkar itu); dan tidaklah berhasil kesabaranmu melainkan dengan (memohon pertolongan) Allah; dan janganlah engkau berdukacita terhadap kedegilan mereka, dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan.
- 128.** Sesungguhnya Allah beserta orang yang bertakwa, dan orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ
الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَبُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُمْ
بِهِ وَلَا يَنْصُرُكُمْ لَهُوَ خَيْرٌ
لِّلصَّابِرِينَ ﴿١٢٦﴾

وَاصْبِرْ وَمَا صَبْرُكَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا تَحْزَنْ
عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُ فِي صَبْتِكَ مِمَّا يَمْكُرُونَ ﴿١٢٧﴾

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ
مُحْسِنُونَ ﴿١٢٨﴾